

AD
UNITED24
MEDIAHow Ukraine's Black Sea
Strategy Keeps Russia's Fleet
at Bay

Read more

JAS siasat punca bau busuk Sungai Teritip

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Keadaan parit pencemaran Sungai Teritip di Kampung Chenkeroh, Merchong di Pekan. FOTO MUHAMMAD DELIMA ATAN

Kuantan: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang melakukan siasatan susulan aduan bau busuk di Sungai Teritip, Merchong, dekat sini, oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Pahang.

Dalam kenyataannya semalam, jabatan itu berkata, sepasukan pegawainya bersama Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (Hazmat) bomba ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan serta pengujian.

Katanya, siasatan mendapati bau busuk berpunca daripada buangan berminyak dipercayai dibuang terus ke dalam Sungai Teritip tepi jalan utama Pekan-Rompin.

Berikutan itu katanya, Jawatankuasa Bencana Daerah Pekan digerakkan menangani kes pencemaran Sungai Teritip berikutan terdapat penempatan berhampiran lokasi kejadian.

Disyorkan

- [Ambil 6 sampel untuk Jabatan Kimia](#)
- [Loji kumbahan didakwa sebabkan pencemaran Sungai Kim Kim \[METROTV\]](#)
- [Pencemaran sungai Semenyih, dalang buang kimia dikenal pasti](#)
- [Sisa kimia dibuang terus ke sungai](#)

"Persampelan terhadap buangan di kawasan terbabit dilakukan oleh JAS dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis.

"Pihak Hazmat juga menjalankan pemantauan udara bagi menentukan tahap keselamatan di sekitar kawasan terjejas," katanya.

Menurut JAS, pemantauan udara di semua lokasi di sekitar kawasan tempat kejadian termasuk di Sungai Teritip mendapati bacaan udara pada paras normal.

"Penduduk berhampiran dinasihatkan memakai pelitup muka dan tidak melakukan aktiviti menangkap ikan di alur air di kawasan terbabit

"Sekiranya penduduk mengalami gejala gatal kulit, mata berair, sesak nafas dan loya serta pening kepala, mereka dinasihatkan hadir bertemu doktor di Klinik Kesihatan Nenasi," katanya.